

BAB 4**RUMUSAN DAN CADANGAN****4.0 PENDAHULUAN**

Segala permasalahan telahpun dikenalpasti dan dalam bab yang akhir ini penulis ingin mengemukakan beberapa alternatif dengan harapan ia sedikit sebanyak dapat membantu mengatasi masalah-masalah tersebut .

Perlu disebutkan bahawa semua rumusan dan cadangan yang bakal dikemukakan nanti adalah diperolehi daripada data-data soal selidik pelajar, temu bual dengan beberapa orang guru dan juga hasil pengalaman, pemerhatian serta pendapat penulis sendiri dengan disokong oleh data-data lain termasuk penyelidikan keperpustakaan .

4.1 RUMUSAN

Untuk menjadikan pengajaran ta'bir lebih berkesan , beberapa perkara perlu dititik beratkan iaitu :

4.1.1 Persediaan guru

Guru merupakan nadi atau penggerak utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Untuk menjadikan P & P sebagai satu proses yang berkesan guru

haruslah mempunyai persediaan dalam beberapa aspek , iaitu :-

a) Ilmu

Guru mesti mempunyai maklumat tentang isi pelajaran yang bakal disampaikannya kepada pelajar , supaya dia dapat menyelesaikan sebarang persoalan atau pertanyaan dari mereka , termasuk ilmu Linguistik .

Menurut Arbak Othman (1986: 157) guru yang mempelajari linguistik lebih dirasakan berupaya membimbing dan mengatur pengajaran dan pembelajaran murid-muridnya kepada keutamaan bagi menguasai tatabahasa yang diajar dan yang dipelajari oleh muridnya itu dengan baik dan berkesan.

b) Sahsiah

Sebagai seorang pendidik guru sepatutnya memiliki keperibadian yang boleh diteladani oleh anak-anak didiknya. Guru perlu ada keyakinan diri , kesungguhan serta sifat-sifat yang dapat membantu ke arah memurnikan suasana pembelajaran seperti penyayang dan seumpamanya.

Ketua Pengarah Pendidikan , Wan Zahid Mohd. Noordin menyarankan supaya guru menghayati dan mengamalkan budaya pemburu: “Seorang pemburu biasanya menggunakan pancainderanya , mata sentiasa memerhati, telinga sentiasa mendengar , hidung sentiasa menghidu dan pergerakannya pantas manakala tindakannya cekap”.

(Berita Harian, Rabu, 18/9/1996 : 24)

Jadi boleh dikatakan bahawa sahsiah mempunyai fungsi serampang dua mata. Pertama untuk tujuan pengajaran yang berkesan melalui kecekapan, keyakinan diri, kesungguhan dan sebagainya. Kedua untuk tujuan menunjukkan keprihatinan terhadap tindak-tanduk pelajarnya seperti toleransi , penyayang , peramah , mudah mesra , kenal pelajar . Kenyataan yang sama dipersetujui oleh Sheikh Salim (temu bual dengan Sheikh Salim b. Sheikh Hassan) , kerana sifat garang umpamanya hanya akan menakutkan pelajar untuk bertanya dan mungkin juga boleh menimbulkan rasa benci terhadap guru dan sebagainya.

c) Minat

Untuk menjamin keberhasilan sesuatu perkara yang diusahakan ia mestilah bermula dengan minat. Seorang guru yang benar-benar berminat dengan pengajaran bahasa Arab pasti berusaha menjadikan pengajaran bahasa Arab sebagai satu proses penyampaian maklumat yang berkesan dan menarik .

4.1.2 Tindakan pelajar

Baik guru mahupun pelajar haruslah berusaha merealisasikan harapan mereka untuk melihat keberkesanannya dalam proses P & P ini.

4.1.3 Kaedah yang menarik

Pengajaran yang berkesan diukur berdasarkan pendekatan yang diambil oleh guru ketika mengajar . Di antara ciri-cirinya ialah :-

a) Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM). Ia bertujuan untuk membantu pelajar memahami pelajaran dengan cepat . Menurut Ahmad Husainī (Ahmad Husainī al-Liqāniyy et.al , 1983:49) BBM dianggap di antara perkara terpenting dalam operasi pendidikan, bahkan ia boleh juga dianggap di antara unsur terpenting yang membantu merealisasikan objektif yang ingin dicapai dalam operasi tersebut.

Penggunaan BBM dapat membantu mempelbagaikan kaedah pengajaran. Menurut Penolong Pengarah Pusat Perkembangan Kurikulum Encik Samsudin Mohamed untuk mempelbagaikan bahan pengajaran guru tidak semestinya membuat sendiri sebaliknya memanipulasikan bahan sedia ada dan mudah diperolehi di sekitar sekolah.

(Berita Harian, 4 hb. Nov. 1996:12)

Ini bererti BBM ada dua kategori iaitu semulajadi dan rekaan . BBM semulajadi ialah bahan-bahan sedia ada di sekitar lokasi di mana pelajar berada , sama ada di dalam atau di luar bilik darjah, atau insiden yang berlaku secara spontan di sekitar tempat belajar , atau apa saja gelagat pelajar ketika belajar .

Rekaan pula ialah alat bantu yang biasa digunakan dalam proses P&P . Ia berupa alatan-alatan hasil ciptaan teknologi canggih seperti OHP, TV, video, kaset, komputer dan sebagainya . Ataupun bahan-bahan bacaan seperti buku (termasuk buku

teks), majalah, akhbar dan bahan-bahan edaran di samping alatan-alatan lain seperti papan hitam , papan gulung , kad dan sebagainya.

Sama ada BBM itu disediakan oleh pihak guru sendiri atau oleh pihak sekolah yang penting ialah BBM tersebut haruslah dimanfaatkan semaksima mungkin untuk memastikan keberkesanan pengajaran yang disampaikan . Perkara yang sama diakui oleh ustazah Aminah .

(Temu bual dengan Aminah Zakaria)

b) Mempelbagaikan aktiviti , di samping memastikan pelajar terlibat dalam aktiviti tersebut . Ahmad Fikri (Majalah Pengajian Arab , bil.3 : 86) menyarankan supaya pelajar mengemukakan seberapa banyak soalan kepada guru mereka berkenaan tajuk yang diajar , supaya mereka dapat merasakan bahawa kehadiran mereka dihargai .

c) Guru memikirkan teknik-teknik yang dapat mempermudahkan pembelajaran bahasa Arab khususnya ta'bir supaya ia menjadi mudah dan menarik . Penulis berpendapat tidak menjadi satu kesalahan jika guru berbincang dengan pelajarnya tentang teknik pengajaran yang mereka kehendaki . Dengan cara ini guru dapat memahami kehendak pelajar yang sebenar .

d) Guru perlu menggunakan kaedah yang bersesuaian dengan situasi pembelajaran (kaedah situasi). Menurut M.C Kalaisapathy (Kaedah Pengajaran

Bahasa ,1989: 86) , di antara faedahnya ialah : bahasa akan jadi lebih bermakna , kerana dengan cara ini pelajar dapat melihat hubungkait di antara perkataan yang digunakan dengan situasinya .

4.2 CADANGAN

Hasil dari perbincangan kajian ini , penulis mencadangkan beberapa cadangan .

Butir-butir lanjut mengenainya seperti berikut :

4.2.1 Untuk guru :-

- a) Berusaha menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab dan seterusnya cemerlang dalam mata pelajaran itu.
- b) Memberi kesedaran kepada pelajar dan merangsang mereka supaya mendalami bahasa Arab .
- c) Peka kepada kelemahan pelajar dan cuba mendekatinya untuk memberitahu aspek kelebihannya .
- d) Tidak terlalu memaksa pelajar untuk bertutur dalam bahasa Arab tetapi memberi galakan dan rangsangan ke arah itu .
- e) Memberi pendedahan tentang kelebihan dan keistimewaan mempelajari bahasa Arab .

4.2.2 Untuk pelajar :-

- a) Tahu tujuan atau matlamat belajar iaitu belajar untuk ilmu bukan untuk sijil atau pekerjaan.

- b) Berusaha menanam minat untuk belajar bahasa Arab. Sentiasa ingat bahawa bahasa Arab ialah bahasa al-Quran dan penting dalam kehidupan seorang muslim .
- c) Cuba menunjukkan minat ketika belajar , menumpukan sepenuh perhatian kepada penerangan guru , memahaminya dan menghayati pelajaran yang diajar .
- d) Ikhlas menerima teguran dan nasihat guru.
- e) Tidak malu untuk bertanya jika ada sebarang masalah , tidak malu untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru.
- f) Mengambil inisiatif memperkayakan diri dengan perbendaharaan kata bahasa Arab dengan mengambil tindakan-tindakan berikut:-
 - i) Membaca buku-buku cerita atau bahan-bahan lain yang ditulis dalam bahasa Arab.
 - ii) Memperbanyakkan berkomunikasi atau bertutur dan menulis dalam bahasa Arab.
 - iii) Mengkaji kesalahan-kesalahan yang dilakukan dalam latihan-latihan dan cuba memperbaikinya.
 - iv) Merujuk kepada kamus jika tidak faham makna.
 - v) Meluangkan masa untuk mengulangkaji pelajaran.
- g) Berusaha memantapkan asas-asas nahu.
- h) Menyertai apa saja aktiviti yang berkaitan dengan bahasa Arab seperti

pertandingan , persembahan, kursus , kelas tambahan dan sebagainya.

- i) Berbincang dengan guru atau rakan-rakan jika ada sebarang masalah berhubung dengan bahasa Arab.
- j) Mesti ada komitmen dalam usaha memperkuatkan bahasa Arab.

4.2.3 Untuk Kaedah P&P :-

4.2.3.1 Pendekatan guru :-

- a) Guru berkomunikasi dengan pelajar dalam bahasa Arab sepanjang masa . Topik pilihan ialah yang ada kaitan dengan kehidupan mereka supaya mereka merasakan kewujudan bahasa Arab seterusnya mengamalkan penggunaan bahasa ini dalam kehidupan mereka.
- b) Guru harus kerap memaparkan artikel-artikel bahasa Arab kepada pelajar untuk memperkayakan perbendaharaan kata dan gaya bahasa Arab mereka .
- c) Guru kerap memberi tugas dan latihan lisan dan tulisan serta memperbaiki kelemahan pelajar dalam kedua-dua aspek. Bagi tugas yang berbentuk diskusi guru boleh menentukan masanya serta memberi garis panduan untuk melaksanakan tugas tersebut. Kenyataan ini disokong oleh Ahmad Fikri Hj. Hussin (Majalah Pengajian Arab , bil. 3 : 88-89)

- d) Memberi pendedahan tentang asas-asas nahu hingga pelajar benar-benar faham kegunaannya melalui kelas tambahan dan sebagainya.
- e) Menggunakan pendekatan yang menarik dan pelbagai seperti lakonan, kuiz , aktiviti luar kelas dan seumpamanya .
- f) Mewajibkan pelajar menghafal kalimah-kalimah atau perkataan Arab supaya ia tersimpan dalam minda mereka dan dapat digunakan apabila diperlukan .
- g) Mengajar dengan tidak terlalu cepat atau terlalu lambat supaya semua pelajar mendapat manfaatnya.
- h) Penyampaian yang baik, penerangan yang jelas , memberi nota yang mudah .
- i) Membanyakkan soal jawab untuk memastikan pelajar dapat mengikuti setiap langkah pengajaran dan memastikan objektif tercapai .

4.2.3.2 Aktiviti

- a) Permainan bahasa

Menurut Mahmūd Ismā'īl (Mahmūd Ismā'īl Ṣiniyy et. al. , 1985:253) Language game adalah cara baru yang menyeronokkan dalam pengajaran bahasa

kerana penggunaannya dalam proses P&P akan melahirkan suasana riang serta meninggalkan kesan yang baik dalam jiwa pelajar . Muriel Saville Troike (1991 : 256) pula berpendapat salah satu pengaruh terhadap pemerolehan kecekapan berkomunikasi dalam banyak bahasa datang dari permainan bahasa .

Bentuk-bentuk permainan adalah seperti berikut :-

- i. Permainan bahasa yang diadaptasikan oleh penulis daripada rancangan yang pernah popular satu masa dulu di TV2 iaitu “Now You See It”.

Cara permainan ialah guru memaparkan 4 barisan huruf-huruf yang mengandungi jawapan bagi soalan-soalan yang dikemukakan oleh guru. Untuk menceriakan suasana, pelajar-pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang bertanding untuk mengumpul markah terbanyak bagi kumpulan masing-masing.

Kesannya , pelajar yang tidak berminat untuk belajar turut menyertai permainan di samping menambah perbendaharaan kata mereka.

- ii. Permainan yang diadaptasikan daripada permainan bahasa Inggeris “Say Spell Say”.

Guru memulakan permainan dengan menyebut sepatah kata nama , kemudian mengeja dan menyebutnya lambat-lambat sekali lagi . Sebaik sahaja guru selesai menyebut dan mengeja, pelajar pertama dikehendaki menyambut dengan menyebut / mengeja / menyebut sepatah kata nama lain yang bermula dengan huruf terakhir pada kata nama yang disebut oleh guru tadi , kemudian disambut pula oleh pelajar kedua dan begitulah seterusnya sehingga semua pelajar terlibat .

Contohnya:- Guru menyebut / mengeja / menyebut madrasat (مدرسة) kemudian pelajar pertama menyambut dengan *tuffāh* (تفاح) dan kemudian pelajar kedua pula menyambut dengan *halīb* (حليب). Sebutan kali kedua dilakukan secara lambat-lambat untuk memberi peluang peserta seterusnya memikirkan kata nama penyambut .

Peserta yang terlewat atau tersilap sebut atau mengulang kata nama yang telah disebut akan dikira batal.

iii. "لعبة التهيس" (Main bisik-bisik)

Langkah pertama ialah guru membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan dalam bentuk barisan . Kemudian guru akan memanggil ketua setiap kumpulan datang kepadanya , mereka diberikan satu klausa ringkas yang mengandungi 5-10 patah perkataan.

Setiap kumpulan diberi klausa yang berbeza untuk mengelakkan tiru-meniru antara kumpulan . Mereka diminta menghafalnya dalam masa 5 minit.

Setelah cukup masa , mereka diminta balik kepada kumpulan masing-masing dan membisikkan klausa yang telah dihafal ke telinga rakannya hingga dia betul-betul ingat klausa tersebut . Bisikan akan berpindah berpindah dari seorang ahli kumpulan kepada yang lain hingga sampai kepada ahli yang terakhir , dia dikehendaki menulis semula klausa yang dibisikkan kepadanya di atas papan hitam.

Setelah setiap kumpulan menulis klausa masing-masing di papan hitam , penulis dapati ada di antara klausa yang ditulis itu menyimpang dari pada klausa asal yang diberikan kepada ketua kumpulan tadi.

iv. Permainan teka silangkata.

Ia sama seperti kaedah permainan dalam bahasa Malaysia .

v. Teka-teki.

Pelajar diberi soalan yang berbentuk teka-teki, sebelum soalan diberi semua pelajar diminta berdiri supaya mereka lebih terangsang untuk

menjawab. Pelajar yang berjaya memberi jawapan yang tepat dibenarkan duduk.

Menurut Mahmūd Fahmī Ḥijāzī (Majalah Pengajian Arab ,bil.1, 1990:17-22), objektif yang hendak dicapai ialah untuk pengkayaan perbendaharaan kata di samping memperkayakan pelajar dengan makna-makna kalimah yang jarang digunakan .

b) Kuiz

Diadakan dalam bentuk kumpulan. Biasanya diadakan pada akhir penggal persekolahan. Soalan-soalan meliputi semua tajuk subjek-subjek yang telah dipelajari dan berbentuk ulang kaji.

c) Bahas (Debat)

Aktiviti ini khusus untuk pelajar tingkatan Enam . Pelajar diberi tajuk perbahasan dan diberi masa seminggu untuk mencari isi tajuk perbahasan . Apabila tiba masa yang ditetapkan peserta dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu pencadang dan pembangkang .

Seorang pelajar dilantik sebagai pengurus dan seorang lagi sebagai penjaga masa manakala yang lain-lain dikehendaki mencatat kalimah-kalimah yang perlu. Guru hanya bertindak sebagai pembimbing dan pemerhati.

d) Aktiviti melukis

Biasanya diadakan di luar bilik darjah. Sebelum aktiviti dimulakan guru memberikan senarai kalimah-kalimah berkaitan dengan objek-objek yang perlu ada dalam lukisan yang bakal dilukis secara berkumpulan .

Seandainya pelajar tidak faham maksud kalimah tersebut mereka perlulah merujuk kepada kamus terlebih dahulu dan setelah kesemua kalimah tadi difahami maknanya barulah mereka memulakan aktiviti ini.

Sebagai impaknya pelajar dapat menghasilkan gambaran atau daya imaginasi yang berbeza berdasarkan objek-objek yang telah ditentukan. Markah diberi berdasarkan kekemasan, kehalusan dan jumlah objek yang ada dalam lukisan.

Rumusannya semua aktiviti yang tersenarai di atas dapat menimbulkan minat pelajar terhadap bahasa Arab , dapat menambahkan perbendaharaan kata , dapat mewujudkan kelainan dalam proses P&P , dapat memberi motivasi serta dapat melatih pelajar menyebut dan seterusnya bertutur dalam bahasa Arab.

4.2.3.3 Menitikberatkan Kemahiran

Pembelajaran ta‘bir mesti bermula dengan kemahiran lisan. Menurut ‘Ārif Kurkhi dalam kertas kerjannya « Ṭariqat_ Ta‘lim_ al-Lughat_ al-‘Arabiyyat_ Li_ al-Malāyuwiyyīn » halaman 7-8 : Untuk mempraktikkan kaedah pengajaran bahasa Arab

untuk bukan penuturnya khususnya orang-orang Melayu , ia mestilah didirikan atas empat prinsip. Salah satu daripadanya ialah mengambil perhatian tentang kemahiran bertutur.

Untuk mendapatkan kemahiran berbentuk lisan ia mesti dihubungkan dengan beberapa subkemahiran lain iaitu kemahiran mendengar, kemahiran menyebut dan mungkin juga kemahiran membaca.

Menurut Fathi ‘Aliyy Yūnis (1978 : 284 -285) dalam konteks pembelajaran ta‘bir (تَعْبِير) kemahiran mendengar mempunyai beberapa objektif tertentu, di antaranya ialah untuk membolehkan pelajar menyebut atau menuturkan bunyi Arab dengan betul, menghasilkan bunyi-bunyi yang hampir sama, memelihara beza bunyi antara vokal panjang dengan vokal pendek dan juga huruf konsonan dan akhirnya pelajar dapat mengungkap berkenaan dengan dirinya dalam satu ungkapan yang boleh difahami untuk pelbagai situasi.

Setelah ketiga-tiga kemahiran tadi dikuasai bolehlah diteruskan kepada kemahiran bertulis dan perkara yang paling penting ialah kemahiran berfikir tidak boleh diabaikan untuk memperolehi hasil penulisan yang bermutu. Berdasarkan konsep inilah dapat dilihat keperluan memanipulasikan pita rakaman, pita video dan lain-lain alat pandang dengar dalam P&P ta‘bir .

4.2.3.4 Ganjaran

Dalam usaha menjayakan sesuatu proses P&P aspek naluri haruslah diambil kira oleh seseorang guru dan ianya amat penting sekali . Pelajar cenderung ke arah perkara yang boleh menimbulkan keseronokan dan minat dalam masa pembelajaran .

Di samping keseronokan, ganjaran juga merupakan pemangkin kepada mereka untuk lebih bersemangat dalam mengikuti perkembangan pelajaran hingga keakhirnya .

Ganjaran tidak semestinya berbentuk hadiah atau pemberian bahkan pujian atau sanjungan sudah memadai untuk menaikkan semangat dan menanamkan keyakinan diri pelajar-pelajar terbabit.

4.3 PENUTUP

Bahasa Arab adalah bahasa yang penting dalam hidup kita . Jika kita mampu menuturkannya dengan baik ia dianggap sebagai satu keistimewaan .

Apabila telah timbul minat terhadap bahasa Arab , pelajar mahukan kaedah pengajaran yang terbaik daripada pihak guru. Justeru , guru harus peka terhadap kehendak ini dan seterusnya memperlengkapkan diri dengan persediaan yang cukup rapi dalam pelbagai aspek terutamanya ilmu sebelum memulakan pengajarannya.

Di samping itu , guru juga wajar memastikan bahawa kaedah pengajaran yang mereka gunakan dan topik-topik yang dibincangkan selaras dengan perkembangan semasa supaya tidak dikatakan bahawa bahasa Arab itu bahasa kitab tua atau bahasa yang ketinggalan zaman.

Demikianlah gambaran kajian yang dijalankan oleh penulis . Dari kajian ini kita dapat membuat kesimpulan bahawa proses pengajaran ta'bir merupakan satu tugas yang memerlukan kesungguhan serta komitmen yang tinggi sama ada dari pihak guru mahu pun pihak pelajar .

Harapan penulis semoga hasil kajian ini dapat dimanfaatkan bersama oleh semua guru di semua sekolah khususnya di sekolah-sekolah yang menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa asing agar prestasi pencapaian bahasa ini dapat ditingkatkan. Semoga usaha ini diberkati oleh Allah (s.w.t)